

04/08/2001

Meritokrasi tidak jejas kuota ke IPTA

Mohd Zin Ali

KUALA LUMPUR, Jumaat - Dasar meritokrasi yang dicadangkan kerajaan, tidak bermakna kuota kemasukan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) akan dikurangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata meritokrasi sebaliknya bertujuan menggalakkan pelajar Bumiputera berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran.

Beliau berkata, dasar meritokrasi yang dicadangkan kerajaan sebenarnya ingin menekankan bahawa kemampuan pelajar Bumiputera tiada kekurangannya berbanding pelajar lain dalam semua bidang.

"Asalkan mereka berusaha bersungguh-sungguh, maka mereka akan dapat mencapai cita-cita. Kita berharap pelajar yang sebelum ini menumpukan masa kepada bahagian lain, akan menumpukan semula kepada pelajaran. Kita buktikan sesungguhnya kita boleh buat.

"Tidak semestinya pelajar Bumiputera akan berkurangan di universiti dengan meritokrasi. Kebimbangan ini tidak tepat kerana kerajaan tidak akan lari daripada hasrat yang ingin dicapai melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad cuma merayu dan beliau sendiri yakin pelajar Bumiputera boleh berjaya di dalam pelajaran sekiranya memberikan penumpuan sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui Berita Harian selepas merasmikan dan menyampaikan hadiah kepada peserta Majlis Tilawah al-Quran 2001 peringkat antara bahagian Kementerian Pendidikan di Bahagian Teknologi Pendidikan di sini, hari ini.

Pada majlis itu, johan qari dimenangi Abdul Malik Abdullah manakala johan qariah dimenangi Jamaliah Abu Bakar. Kedua-duanya mewakili Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Aziz menasihatkan Bumiputera yang ingin melihat kemajuan seperti yang dicapai kaum lain supaya mematuhi saranan Perdana Menteri dengan belajar bersungguh-sungguh dan tidak menumpukan perkara lain.

"Pelajar Bumiputera memang boleh dan sudah terbukti seperti yang dapat dilihat dengan menjadi pakar perubatan, jurutera, berkhidmat dengan tentera udara, laut dan sebagainya... memang (Bumiputera) boleh dan orang lain mesti mencontohi kepakaran ini. Itu kehendak Perdana Menteri.

"Kita tahu mereka juga aktif dalam ko-kurikulum. Ko-kurikulum yang dikehendaki ialah berkaitan pelajaran. Hari ini, apa yang kita dapat lihat ialah pelajar Bumiputera membuang masa dengan aktiviti tidak sihat.

"Sebagai sebuah negara yang memperuntukkan kira-kira 25 peratus perbelanjaannya di bidang pendidikan, sudah tentu kita inginkan anak-anak tanpa mengira Melayu, Cina dan India supaya menebusnya dengan menumpukan pelajaran sepenuhnya dan membantu generasi akan datang," katanya.

(END)